

Borneo Mail 8 Oct 1996

Borneo Mail, 06hb Oktober 1996

Lembah Danum jadi tumpuan penyelidik

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) kembali menandatangani memorandum persefahaman (MoU) dengan The Royal Society of United Kingdom, untuk menjalankan penyelidikan mengenai hutan tropika di Asia Tenggara, dengan tumpuan khusus di Lembah Danum, Lahad Datu.

Di bawah MoU itu, UMS akan menyediakan kemudahan seperti pejabat semestara dan ruang penyelidikan bagi saintis Royal Society yang akan memberikan bantuan dalam bentuk peralatan serta kewangan kepada pelajar lepasan ijazah UMS.

Pada majlis itu, UMS diwakili oleh naib canselor Prof Datuk Dr Abu Hassan Othman manakala Royal Society oleh Prof T.H. Clutton Bro-

ck, pengurus program penyelidikan hutan tropika Asia Tenggara Royal Society.

Menerusi program itu, Royal Society memainkan peranan ke arah menjadikan Pusat Penyelidikan Lembah Danum sebagai salah satu pusat latihan dan penyelidikan hutan tropika utama di dunia.

Bercakap kepada pemberita kemudian, Prof Abu berkata kerjasama awal dengan Royal Society, antara lainnya, untuk menjalankan penyelidikan mengenai kajihayat sengkuap hutan tropika dengan menggunakan kaedah penegasapan dengan tumpuan kepada pelbagai jenis semut dan kumbang.

Kawasan lain yang akan diselidiki ialah Lembangan Meliau dan Tabin di Kinabatangan, bahagian timur Sabah. — Bernama